

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN
KOD KURSUS	:	BPD 23603
PROGRAM	:	2 BPC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

- S3 Anda adalah pengurus projek untuk pembinaan bangunan 50-tingkat di tengah bandar raya Kuala Lumpur yang padat dan sibuk. Projek tersebut perlu siap dalam masa 18 bulan dan syarikat anda akan didenda dengan jumlah yang tinggi sekiranya gagal menyiapkannya dalam masa yang ditetapkan. Selepas dua belas bulan kerja dijalankan, projek anda telah menanggung kerugian bahan yang berlebihan. Walaupun mempunyai lebihan perkerja, projek tersebut telah mengalami kelewatan selama tiga bulan dan berbelanja lebih daripada sepatutnya.

Analisiskan permasalahan tersebut bagi membolehkan syarikat anda mengambil tindakan pembetulan.

(20 markah)

- S4 (a) Penilaian projek melibatkan kerja-kerja menaksir perjalanan dan kemajuan projek dengan membandingkan pelan perancangan projek yang telah dibuat atau membandingkan dengan kejayaan projek lain yang sama fungsinya.

Terangkan **DUA (2)** jenis penilaian projek.

(4 markah)

- (b) Dalam proses pemantauan sesuatu projek pembinaan, pihak pengurusan perlu mengetahui lingkungan kawasan yang perlu dipantau. Ini untuk memastikan semua aspek pembinaan yang dilakukan akan menjadi berkesan.

(i) Jelaskan proses kawalan projek.

(6 markah)

(ii) Bincangkan berserta contoh **EMPAT (4)** perkara yang perlu dipantau oleh pengurus projek.

(10 markah)

- S5** (a) Pengurusan kos projek merupakan proses yang memastikan projek siap dengan peruntukan belanjawan yang ditetapkan. Oleh itu, adalah penting bagi pengurus projek pembinaan mengetahui proses dalam pengurusan kos projek iaitu perancangan sumber, anggaran kos, belanjawan kos dan pengawalan kos.

Terangkan **DUA (2)** kaedah anggaran kos.

(4 markah)

- (b) Jadual **S5** menunjukkan maklumat prestasi projek pada minggu ke 8.

Jadual **S5**: Maklumat Prestasi Projek Pada Minggu Ke 8

Aktiviti	Kos Dirancang (RM)	Kos Sebenar (RM)	Minggu		Peratus Siap (%)
			Mula	Siap	
A	4,000	4,000	1	1	100
B	7,000	7,949	1	2	100
C	8,000	8,010	2	3	95
D	6,550	7,030	3	4	80
E	12,000	10,050	4	7	75
F	8,400	9,000	7	8	70
G	3,000	2,000	8	8	30
H	7,500	-	8	10	-
I	2,300	-	9	9	-
J	6,000	-	9	10	-
K	1,500	-	10	10	-

Berdasarkan Jadual **S5**:

- (i) Hitungkan Indeks Prestasi Jadual dan Indeks Prestasi Kos pada akhir minggu ke 8. (8 markah)
- (ii) Lakarkan carta Gantt serta keluk-S bagi kos dirancang dan kos sebenar untuk projek tersebut. (8 markah)

-SOALAN TAMAT-

- S1** Jadual **S1** menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk projek pembinaan sebuah bangunan pejabat.

Jadual **S1**:Aktiviti-aktiviti Projek

Aktiviti	Tempoh (Hari)	Aktiviti Sebelum
A	4	Tiada
B	5	Tiada
C	5	A
D	4	A
E	3	B
F	6	B
G	8	C, D, H
H	7	D, E
I	6	F
J	5	G, H, J
K	8	G, J

- (a) Lakarkan Gambarajah Rangkaian Duluan berdasarkan Jadual **S1**.
(16 markah)
- (b) Berdasarkan Gambarajah Rangkaian Duluan di **S1(a)**:
- (i) Nyatakan aktiviti laluan kritikal.
(2 markah)
 - (ii) Nyatakan tempoh projek tersebut.
(2 markah)

- S2** Objektif utama perancangan sumber adalah untuk memastikan jumlah dan kualiti sumber adalah mencukupi dan memenuhi keperluan kerja di tapak binaan.

- (a) Senaraikan **EMPAT (4)** jenis sumber dalam projek pembinaan.
(4 markah)
- (b) Bincangkan **TIGA (3)** masalah utama dalam pembahagian sumber.
(6 markah)
- (c) Terangkan dengan bantuan ilustrasi, kaedah pengurusan sumber dalam projek pembinaan.
(10 markah)